



Newsletter
Percuma >



Daftar

Jumaat | 08
November
2024

•

- Belanjawan
- Sinar Daily
- SinarPlus
- Sinar Bestari

SINAR ISLAM

Follow

> Aqidah

Follow

E-PaperLanggan

Tiada 'penunggu' di jambatan itu

Islam menegaskan perkara ghaib perlu sandaran dalil yang kukuh manakala tugas syaitan pula menyesatkan manusia

08 Ogos 2024 05:10pm

Masa membaca: 5 minit



WhatsApp
Channel
Sinar Harian



DAKWAAN atau cerita bahawa terdapat makhluk halus atau penunggu di jambatan memerlukan sandaran dalil yang kuat. Foto CANVA/Gambar kecil: USTAZ MOHAMMAD BAIHAQI



Untuk berita terkini Sinar Harian, ikuti di [Telegram](#) dan [TikTok](#) kami

"**SAYA** dah tak nak hidup dah. Kalau hidup pun sengsara, baik saya mati sahaja!"

Dialog sebegini biasa diungkapkan oleh mereka yang sudah berputus asa dengan kehidupan.

Kesusahan keluarga, tekanan ekonomi, kesukaran hidup, kekurangan sumber dan faktor-faktor lain menjadi punca seseorang berani berfikiran *suicidal* (berniat untuk membunuh diri).



WhatsApp
Channel
Sinar Harian

PERBUATAN membunuh diri bukanlah pilihan terakhir bagi menyelesaikan masalah, tambahan pula ia merupakan larangan **ALLAH** kepada hamba-NYA.

Trend membunuh diri sebegini dilihat semakin mencanak naik saban tahun.

Terdapat peningkatan kes bunuh diri yang dilaporkan pada 2021 di Malaysia iaitu sebanyak 1,142 kes berbanding 631 kes pada tahun



Malaysia (PDRM).

Bagi tahun 2022 pula sehingga bulan Jun, sejumlah 467 kes dilaporkan PDRM.

Artikel Berkaitan:

- **Haram jumpa bomoh, percaya tilikannya**
- **Percaya bomoh masih tebal dalam masyarakat**
- **Tegahan jumpa bomoh atau dukun, penyebab hilang pahala solat 40 hari**
- **Roh orang mati tetap ke alam barzakh walau jasad belum dikebumikan**

Di Kelantan, setakat artikel ini ditulis, sudah tiga kejadian bunuh diri atau cubaan bunuh diri direkodkan dan kes yang ke-17 direkodkan sejak tahun 2021 seperti dilaporkan media.

Baru-baru ini tular rakaman video memaparkan seorang wanita yang cuba terjun ke Sungai Kelantan dari Jambatan Tendong, Pasir Mas kerana ingin menamatkan kesengsaraan hidupnya.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kelantan, Zainal Madasin merujuk kes kejadian bunuh diri berkata, antara jambatan yang paling kerap dijadikan lokasi mangsa terjun di Kelantan adalah Jambatan Sultan Yahya Petra (9 kes), Jambatan Tendong (3), Jambatan Salor (2), manakala masing-masing satu kes di Jambatan Wakaf King, Jambatan Tok Bali dan Jambatan Pak Nik Lah.

WhatsApp
Channel
Sinar Harian



Berita Telus & Tulus menerusi E-Mel setiap hari!

Email



“
Disebabkan angka yang begitu banyak, membunuh diri dari jambatan-jambatan ini mula membawa cerita bahawa di sana ada yang memanggil mangsa untuk terjun dan mangsa bunuh diri di situ ramai.

Suara yang seakan-akan menarik mangsa untuk terjun membunuh diri dan menamatkan kesengsaraan yang dirasai itu dikatakan benar-benar wujud di jambatan-jambatan tersebut.



WhatsApp
Channel
Sinar Harian

JABATAN Bomba dan Penyelamat Malaysia pernah mencadangkan agar dibina penghadang di jambatan di Kelantan bagi mencegah perbuatan membunuh diri.

Di dalam isu ini, Islam telah menggariskan beberapa garis panduan yang boleh diikuti:

1 - Semua perkara ghaib memerlukan sandaran dalil yang kukuh untuk dipercayai.

Apa sahaja berita, cerita dan buah mulut yang berlegar melibatkan perkara-perkara ghaib seperti hantu, penunggu jambatan, malaikat, jin



diletakkan kepercayaan bahawa ia suatu kebenaran.

Perkara ini sangat bersesuaian dengan ayat al-Quran yang direkodkan di dalam ayat ke-85 surah al-Isra' ketika Nabi Muhammad SAW ditanya berkenaan roh (perkara ghaib) maka ALLAH SWT meminta Baginda menjawab:

"Roh itu daripada perkara urusan Tuhanku. Dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja."

Nabi Muhammad SAW yang merupakan paling sempurna dan paling dicintai oleh Allah, diberikan kelebihan mengetahui perkara ghaib yang diwahyukan kepadanya, apatah lagi perkara yang biasa. Inilah hakikat yang perlu difahami.

2 - Kerja hakiki syaitan adalah menyesatkan anak adam sehingga kiamat.

Syaitan sentiasa bertugas. Tugasannya kekal sama semenjak zaman Nabi Adam AS sehingga manusia dibangkitkan (pada Hari Kiamat) iaitu menyesatkan manusia.

Janji Iblis yang dimeterai di hadapan ALLAH dahulu terpahat di dalam al-Quran di dalam ayat ke-82 dan ke-83 surah Sad:

"Iblis berkata, Demi kekuasaan-MU (wahai Tuhanku), aku akan menyesatkan mereka semuanya."

"Kecuali hamba-hamba-MU di antara zuriat-zuriat Adam itu yang dibersihkan daripada sebarang kederhakaan dan penyelewengan."

WhatsApp
Channel
Sinar Harian



kesesatan kerana semua ini merupakan | 'dakyah' mereka bagi sekalian anal

Bisikan, ajakan, dan dorongan yang bermain di minda saat manusia menghadapi segala kesukaran hidup merupakan permainan syaitan yang cuba menyesatkan manusia dari jalan yang benar.

Jika dituruti, maka natijah akhirnya adalah neraka dan kesengsaraan azab ALLAH yang dasyat.

Bisikan-bisikan inilah yang menolak manusia untuk melakukan segala kejahatan, termasuklah membunuh diri yang terang-terangan dilarang keras di dalam agama.



WhatsApp
Channel
Sinar Harian

PERINGATAN yang ditampal di salah sebuah jambatan di Kelantan mengingatkan tentang dosa akibat perbuatan membunuh diri.

3 - Terima qada' dan qadar (ketentuan) ALLAH dengan hati yang reda.

ALLAH MAHA PENGASIH lagi MAHA PENYAYANG. Segala kesusahan yang



tersebut. DIA berfirman di dalam ayat ke-286 surah al-Baqarah:

"ALLAH tidak membebankan seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya."

ALLAH tidak pernah menzalimi hamba-NYA walau sebesar zarah kerana ia berlawanan dengan sifat ALLAH yang MAHA ADIL.

ALLAH telah menyatakan hakikat ini melalui firman-NYA di dalam ayat ke-40 surah an-Nisa':

"Sesungguhnya ALLAH tidak sekali-kali menganiaya (seseorang) sekalipun seberat zarah (debu). Dan kalaulah (amal yang seberat zarah) itu amal kebajikan, nescaya akan menggandakannya dan akan memberi dari sisi-NYA pahala yang amat besar."

Nabi Muhammad SAW juga telah meninggalkan sebuah kaedah yang sangat indah di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, Baginda bersabda:

"Berusahalah lakukan apa yang memberi manfaat kepadamu dan mintalah pertolongan kepada ALLAH dan jangan kamu gagal (berputus asa). Jika kamu ditimpa sesuatu, janganlah kamu berkata: 'Seandainya aku berbuat begini-begini, pasti begini-begini', tetapi katakanlah: 'ALLAH telah menetapkannya dan apa yang DIA kehendaki dan DIA akan lakukan. Sesungguhnya (perkataan) jika akan memulakan kerja syaitan'"

Segala ketentuan ALLAH, baik atau buruk yang menimpa kita, maka ia adalah apa yang ALLAH kehendaki berlaku ke atas kita.

WhatsApp
Channel
Sinar Harian



kita.

Mohonlah pertolongan kepada ALLAH sesekali kita berputus asa dari rahmat ALLAH NYA adalah sumber kekuatan!


Benar, ujian kehidupan di dunia berat untuk ditanggung, tetapi ingatlah, rahmat dan kasih sayang ALLAH itu luas dan sentiasa meliputi kita.

Berdoalah, bertawakkallah dan percayalah bahawa ALLAH amat sayang kepada kita selagi mana kita beriman kepadaNya. Bunuh diri bukan pilihan, tetapi ia adalah sebuah larangan!

***USTAZ MOHAMMAD BAIHAQI MD YUSNAN merupakan Pensyarah Kulliyyah Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Muat turun aplikasi Sinar Harian. [Klik di sini!](#)

Unmute



WhatsApp
Channel
Sinar Harian

Ghaib [Follow](#)

Penunggu [Follow](#)

Syaitan [Follow](#)

Jambatan [Follow](#)



Artikel Disyorkan



Aqidah

Percaya kenan boleh bawa kepada syirik

NURULFATIHA MUAH

03 Oct 2024 02:49pm

WhatsApp
Channel
Sinar Harian



Aqidah

Percaya bomoh masih tebal dalam masyarakat



Aqidah

10 resolusi pemantapan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah

By **PROF MADYA DR MOHD HASRUL SHUHARI**

01 Aug 2024 04:46pm



WhatsApp
Channel
Sinar Harian

Aqidah

Tegahan jumpa bomoh atau dukun, penyebab hilang pahala solat 40 hari

NURULFATIHA MUAH

25 Jul 2024 02:23pm



Kasta, modal teroka dan feudalisme



Titah Adendum terus jadi duri dalam daging dan isu sensitif



Kamera AI kesan pesalah jalan raya



Tak semua orang melabur macam kita



Trump 2.0: Impak dasar luar terhadap Malaysia

[LAGI >](#)

UNDIAN PEMBACA

WhatsApp
Channel
Sinar Harian

Adakah kemenangan Donald Trump beri kesan positif kepada konflik di Palestin?

- Tidak
- Ya
- Tidak pasti

Terkini



**Pei
kei
b...**

03
Oktober
2024
02:49pm



**Pei
bo
m..**

02
Ogos
2024
10:37am



**10
res
p...**

01
Ogos
2024
04:46pm



**Teq
jur
b...**

25
Julai
2024
02:23pm



**Ro
orc
m..**

22
Julai
2024
11:18am

[LAGI >](#)

WhatsApp
Channel
Sinar Harian

Newsletter

Berita Telus & Tulus
hanya untuk anda
setiap hari. Langgan
Sekarang!

Email



Terma & syarat
dan
Polisi data
peribadi

Langgan

Sinar Karangkraf Sdn. Bhd.
Lot 1, Jalan Renggam 15/5, Persiaran
Selangor,
Seksyen 15, 40000 Shah Alam Selangor,
Malaysia

603.5101.7388

603.5101.7333

editorsh@sinarharian.com.my

Umum

Hubungi Kami
Kerjaya
Syarat dan Penafian
Polisi Data Peribadi

Pengiklanan

Pengiklanan
iklan@sinarharian.com.my

Berita

Berita
Edisi
Global
E-Paper
Suara Sinar
Video
Khas

Rangkaian Kami

Sinar Daily
SinarPlus
Sinar Bestari
Kumpulan Karangkraf
Grup Buku
Ultimate Print

WhatsApp
Channel
Sinar Harian

© 2024 All Rights Reserved • Karangkraf Group • © 2024 Hakcipta Terpelihara •
Kumpulan Karangkraf